

PROMOSI DEPOSIT TETAP 6-BULAN DAN 12-BULAN

Dikemaskini pada 28 Februari 2018

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap 6-bulan dan 12-bulan” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 1 Mac 2018 dan berakhir pada 30 April 2018, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana masing-masing (“Had Saiz Dana”) seperti yang diperuntukkan dalam jadual di bawah, mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Deposit Tetap (“FD”)	Had Saiz Dana
Deposit Tetap 6-bulan	RM1.4 Bilion
Deposit Tetap 12-bulan	RM5.1 Bilion

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk peryertaan oleh semua pemegang akaun yang baru and sedia ada bagi Akaun Deposit Tetap Hong Leong sepertimana ditakrif menurut Fasal 3 di bawah (“Akaun FD”) sertaan berikut yang merupakan individu / bukan individu warga Malaysia dan individu / bukan individu bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
 - (i) Pemegang akaun baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Akaun FD sertaan dengan HLB sebelum Tempoh Promosi.
 - (ii) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berdasarkan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **tidak termasuk syarikat dan badan korporat**.
3. Akaun FD sertaan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
 - (a) FD Konvensional;
 - (b) ‘Priority Banking Premium FD’;
 - (c) ‘Senior Savers Flexi FD’; dan
 - (d) ‘Junior FD’.
4. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
 - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD (dimiliki oleh Pelanggan) yang baru dan sedia ada Pelanggan dan dibuka dengan HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”). Untuk tujuan ini, dana baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD yang baru dan sedia ada Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan ke HLB / HLISB; dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) HLB Pelanggan.
5. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
 - (a) FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD dari mana-mana akaun FD HLB / Deposit Tetap-i (“FD-i”) HLISB yang sedia ada;
 - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
6. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi ini.
7. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

8. Pelanggan yang memenuhi syarat-syarat berikut semasa Tempoh Promosi akan menikmati Kadar Faedah Promosi FD masing-masing (“Pelanggan Layak”):-

- (i) Peletakan FD – dengan membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan FD Minimum dan Amaun Peletakan FD Maksimum (“Amaun Peletakan FD”) seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dalam Akaun FD yang baru and sedia ada masing-masing bagi tempoh FD; and
- (ii) Peletakan CASA – dengan membuat peletakan deposit yang bersamaan dengan 5% daripada Amaun Peletakan FD ke dalam CASA sepetimana ditakrif menurut Fasal 10 di sini.

Tempoh FD	Akaun FD	Kadar Faedah Promosi FD	Kadar Faedah FD Efektif	Amaun Peletakan FD Minimum	Amaun Peletakan FD Maksimum	Amaun Peletakan CASA
6-bulan	FD Konvensional / ‘Priority Banking Premium FD’ / ‘Senior Savers Flexi FD’ / ‘Junior FD’	4.20% setahun	4.08% setahun ¹	RM10,000	RM2,000,000	5% daripada Amaun Peletakan FD (Peruntukan selama 4 bulan)
12-bulan	FD Konvensional / ‘Priority Banking Premium FD’ / ‘Senior Savers Flexi FD’ / ‘Junior FD’	4.35% setahun	4.26% setahun ²			5% daripada Amaun Peletakan FD (Peruntukan selama 6 bulan)

Kadar Faedah FD Efektif berbeza mengikut Amaun Peletakan FD, Amaun Peletakan CASA dan jenis CASA Namaan.

¹ Dengan mengandaikan Jumlah Amaun Peletakan RM210,000, iaitu RM200,000 dalam 6-bulan FD dan RM10,000 dalam Akaun Pay&Save (kadar faedah: 0.55% setahun), diperuntukkan selama 4 bulan.

² Dengan mengandaikan Jumlah Amaun Peletakan RM210,000, iaitu RM200,000 dalam 12-bulan FD dan RM10,000 dalam Akaun Pay&Save (kadar faedah: 0.55% setahun), diperuntukkan selama 6 bulan.

9. Amaun Peletakan FD Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Peletakan FD Maksimum **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)**. Jika Amaun Peletakan FD melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing seperti yang dinyatakan di atas dicapai, jumlah yang berlebihan akan tertakluk kepada kadar FD konvensional semasa seperti yang ditentukan oleh HLB.

10. Untuk menikmati Kadar Faedah Promosi FD, Pelanggan Layak dikehendaki mendeposit amaun yang bersamaan dengan 5% daripada Amaun Peletakan FD ke dalam salah satu Akaun Simpanan atau Semasa (“CASA”) di bawah nama Pelanggan Layak (“CASA Namaan”) seperti berikut dan diperuntukkan selama empat (4) bulan berturut-turut bagi 6-bulan FD atau diperuntukkan selama enam (6) bulan berturut-turut bagi 12-bulan FD (“Tempoh Peruntukkan”).

- (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
- (b) Akaun Simpanan Hong Leong
- (c) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
- (d) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
- (e) Akaun Pay&Save Hong Leong
- (f) Akaun SmartLink Hong Leong
- (g) Akaun Top Yield Hong Leong
- (h) Akaun One Hong Leong
- (i) Akaun Semasa Asas Hong Leong
- (j) Akaun Semasa Hong Leong

11. Peletakan and peruntukkan CASA hendaklah dibuat serentak dengan Peletakan FD semasa Tempoh Promosi. Sekiranya Peletakan CASA dan / atau Peletakan FD dibatalkan, dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) atau dikeluarkan semasa dalam Tempoh Peruntukkan dan / atau dalam Tempoh FD atas apa jua sebab, maka kadar FD konvensional semasa akan digunakan.

12. Kadar faedah yang diperolehi bagi FD Konvensional, ‘Priority Banking Premium FD’ dan ‘Junior FD’ akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap enam-bulan. Manakala kadar faedah yang diperolehi bagi ‘Senior Savers Flexi FD’ akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.

13. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FD masing-masing dan kadar faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.

14. Pengeluaran sebahagian Peletakan FD tidak dibenarkan bagi FD Konvensional. Kadar faedah tidak akan dibayar sekiranya Amaun Peletakan FD bagi FD Konvensional dikeluarkan sebelum tarikh matang tempoh FD masing-masing

sepertimana ditakrif menurut Fasal 8 di atas. Bagi ‘Priority Banking Premium FD’, ‘Senior Savers Flexi FD’ dan ‘Junior FD’, tertakluk kepada fasal 14 Terma & Syarat Promosi, pengeluaran sebahagian Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam ‘Priority Banking Premium FD’, ‘Senior Savers Flexi FD’ dan / atau ‘Junior FD’ kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.

15. Sekiranya Amaun Peletakan FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan Persatuan Bank di Malaysia (“ABM”), terutamanya Seksyen E (v) akan dikenakan:
 - (a) Kadar faedah tidak akan dibayar bagi mana-mana Amaun Peletakan FD yang dikeluarkan sebelum genap **tiga (3) bulan**.
 - (b) Sekiranya Amaun Peletakan FD dikeluarkan dalam bulan **keempat (ke-4)** dan ke atas, Pelanggan Layak akan menerima 50% daripada kadar faedah Amaun Peletakan FD yang ditetapkan dan diperolehi bagi bulan-bulan genap atas Amaun pokok Peletakan FD sahaja.

HLB berhak menolak balik dan memotong amaun yang setara dengan kadar faedah yang dibayar bagi Amaun Peletakan FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok Peletakan FD semasa pengeluaran.

16. Amaun Peletakan FD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

UMUM

17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma & Syarat bagi Akaun FD;
 - (ii) keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan;
 - (iii) mengakses Laman Sesawang HLB www.hlb.com.my (“Laman Sesawang HLB”) secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
 - (iv) faedah yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau faedah; dan
 - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
18. HLB berhak:
 - (i) dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarannya dalam Laman Sesawang HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB; dan
 - (ii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atau Pelanggan Layak atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab; dan
 - (iii) membatalkan faedah yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi, Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma & Syarat Bagi Akaun FD.
19. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Umum Bagi Akaun HLB and Terma & Syarat Bagi Akaun FD hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Umum Bagi Akaun HLB dan Terma & Syarat Bagi Akaun FD, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
20. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang HLB akan diutamakan.
21. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

Produk Deposit adalah layak dilindungi oleh PIDM